

MPK pantau banjir kilat empat taman

KLANG: Banjir kilat di Taman Sentosa, Bandar Puteri, Taman Saujana dan Taman Mewah Jaya 3 di sini, Ahad lalu disebabkan sistem perparitan tidak sempurna dan air tidak mengalir ke sungai.

Menegaskan satu jawatankuasa khas memantau lokasi berpotensi banjir akan ditubuhkan, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Abdul Bakir Zin, berkata jabatan berkaitan perlu membersihkan parit dan sungai seberapa segera.

"Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu menyelia parit dalam jagaan masing-masing, khususnya anak sungai Kampung Johan Setia.

"Jika lambat, air dari parit dan anak sungai tidak mengalir sempurna menyebabkan banjir di kawasan rendah," katanya ketika ditemui di pejabatnya.

Kira-kira 900 keluarga beberapa taman perumahan di sini, dilanda banjir kilat berikutan hujan lebat selama beberapa jam mulai kira-kira jam 1 pagi.

Abdul Bakir berkata, pemaju Taman Saujana Jati pula diarah memperbaiki pam air yang rosak dalam tempoh tiga bulan kerana ia adalah syarat memperoleh Sijil Layak Menduduki (CF).

Katanya, langkah jangka panjang MPK ialah membina kawasan tadahan air bagi menampung air ketika hujan lebat, sekali gus mengelakkan banjir kilat terutama di kawasan baru dibuka.

“*Jika pam itu tidak dibaiki, usaha mengeluarkan air dari kawasan taman perumahan menjadi sukar”*

Abdul Bakir Zin

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang